

PERKAITAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA IBAN: SATU TINJAUAN RINGKAS

Rohani Mohd. Yusof

Abstrak

Bahasa Melayu dan bahasa Iban tergolong dalam rumpun Austronesia. Sehubungan itu bahasa Melayu (seterusnya BM) dan Bahasa Iban (seterusnya Blb) dikatakan berasal dari satu keturunan yang sama, iaitu dari bahasa induk atau bahasa purba Melayu-Iban. Keadaan ini disebabkan oleh banyaknya persamaan di antara kedua-dua bahasa tersebut berbanding dengan bahasa-bahasa serumpun yang lain. Untuk melihat persamaan dan perkaitan ini, satu tinjauan sepintas lalu dibuat terhadap BM dan Blb berdasarkan aspek fonologi, tatabahasa, dan leksikal. Kajian terhadap unit dan unsur-unsur nahu serta leksis, memperlihatkan tentang hilang atau bertahannya unsur-unsur linguistik tertentu serta mengukuhkan unsur-unsur lain dari sistem bahasa. Di samping itu untuk melihat tingkat kekognatan dan kekerabatan, kaedah leksikostatistik dan glottokronologi turut digunakan dengan mengambil 100 perkataan dari senarai kata Swadesh.

Abstract

The Malay and Iban languages belong to the Austronesian stock. Therefore they came from the same parent, that is the proto Malay-Iban parent language. Research shows that Malay and Iban shared many characteristics in common as opposed to other languages from the Austronesian stock. The relation between Malay and Iban are observed through the phonological, grammar and lexical aspects. The study shows that grammar and lexical units have over time maintained certain linguistic elements and lost others. Besides that, the lexicostatistics and glottochronology method was used to observe the level of relationship and determine the cognates features by using 100 words from Swadesh's lists.

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu dan bahasa Iban dikatakan menganggotai rumpun Austronesia, iaitu rumpun yang diwakili oleh anggota-anggota bahasa yang tersebar dari kawasan pergunungan Taiwan di utara hingga ke New Zealand di selatan, dan Madagaskar di barat hingga ke Kepulauan Easter di timur (Asmah Haji Omar, 1989:2). Rumpun Austronesia ini seterusnya dapat dibahagikan kepada empat keluarga besar, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Bahasa Melayu (seterusnya BM) dan bahasa Iban (seterusnya BIb) termasuk ke dalam keluarga Indonesia. Disebabkan setiap keluarga bahasa mempunyai anggota yang banyak, maka boleh dibahagikan kepada kelompok tertentu dan seterusnya kepada subkelompok atau pecahan yang lebih kecil lagi.

Berdasarkan pembahagian di atas, Asmah Haji Omar (1989:3) telah membuat hipotesis dengan meletakkan BM dan BIb ke dalam satu kelompok atau pecahan, iaitu Melayu-Iban yang diturunkan dari satu induk yang sama, yakni bahasa purba Melayu-Iban. Hipotesis ini adalah disebabkan terdapat banyak persamaan di antara kedua-dua bahasa ini berbanding dengan bahasa-bahasa dari subkelompok yang lain. Malah dengan pandangan sepintas lalu sahaja terhadap teks Iban, seseorang akan mengagak bahasa BIb adalah salah satu daripada dialek BM, seperti halnya dengan dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Kedah dan sebagainya. Ini adalah sebagai bukti bahasa BIb adalah sangat rapat perkaitannya dengan BM. Hal ini berbeza sekali dengan bahasa daripada suku bangsa Malaysia Timur yang lain seperti bahasa Kadazan kerana belum ditemui mana-mana perbualan atau teks daripada bahasa tersebut adalah dialek BM dan dengan sedikit imaginasi, masyarakat Melayu boleh memahami bahasa Kadazan (Asmah Haji Omar dan Rohani Mohd. Yusof, 1987: 4-5).

Persamaan dalam bahasa wujud disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu persamaan secara kebetulan, pinjaman, warisan langsung (Charles F. Hockett, 1958:486) dan ciri-ciri universal. Persamaan yang terhasil dari faktor warisan langsung menimbulkan ciri-ciri kekognatan di antara bahasa-bahasa ini. Persamaan dan perbezaan antara kedua-dua BM dengan BIb dapat dilihat melalui sistem fonologi, tatabahasa dan leksikal.

SISTEM FONOLOGI

Perbandingan berdasarkan sistem fonologi dapat dilihat melalui sistem konsonan dan vokal. Dari sudut sistem konsonan, kedua-dua BM dan BIb memperlihatkan bilangan yang sama, iaitu sebanyak 19 konsonan, yakni

tanpa melibatkan konsonan pinjaman yang terdapat dalam BM. Lihat Jadual 1 (dipetik daripada Asmah Haji Omar, 1981:17) dan Jadual 2 berikut:

Jadual 1 Konsonan Bahasa Iban.

	Bilabial	Alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Plosif	p b	t d		k g	ʔ
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Afrikat			ʃ j		
Frikatif		s			h
Lateral		l			
Getaran		r			
Separuh vokal	w		y		

Jadual 2 Konsonan Bahasa Melayu Bilabial.

	Bilabial	Alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Plosif	p b	t d		k g	ʔ
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Afrikat			ʃ j		
Frikatif		s			h
Lateral		l			
Getaran		r			
Separuh vokal	w		y		

Dari kedua-dua jadual di atas, ternyata bahawa kedua-dua BM dan BIb ini bukan sahaja mempunyai bilangan konsonan yang sama, tetapi mempunyai fonem konsonan yang serupa. Kehadiran konsonan / r / dalam BM seperti yang digambarkan dalam Jadual 2 di atas adalah mewakili BM Standard dan yang sejajar dengannya. Walau bagaimanapun kehadiran konsonan alveolar / r / ini dalam BM dan BIb adalah sejajar dengan frikatif velar / ɣ /, frikatif uvular / R / dan frikatif faringal / ʕ / seperti mana yang terdapat di dalam

dialek-dialek BM yang lain. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Bahasa Iban	~	BM Standard	~	Dialek-dialek BM	=	
1. / rumah /	~	/ rumah /	~	/ Rumah /	=	rumah
2. / uraŋ /	~	/ oraŋ /	~	/ oRaŋ /	=	orang
3. / bəndar /	~	/ bənar /	~	/ bənaR /	=	benar

R = mewakili / ɣ /, / R / dan / ŋ /

Ditinjau dari sistem vokal pula, pada umumnya BM dan BIb mempunyai sistem enam vokal seperti berikut:

Bahasa Melayu	:	/ i /, / e /, / ə /, / a /, / u /, / o /
Bahasa Iban	:	/ i /, / e /, / ə /, / a /, / u /, / o /

Pada amnya sistem enam vokal yang terdapat dalam BM adalah dicirikan oleh BM Standard dan yang sejajar dengannya. Di samping itu, pada peringkat bukan standard yakni dialek-dialek Melayu adalah dicirikan oleh sistem lapan vokal yang merupakan perkembangan kemudian, terhasil dari proses pemecahan fonemik (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1985:71-73). Perhatikan jadual berikut:

BM Standard	:	/ i /, / e /, / ə /, / a /, / u /, / o /
Dialek-dialek Melayu	:	/ i /, / e /, / ε /, / ə /, / a /, / u /, / o /, / ɔ /

Sistem lapan vokal seperti yang wujud dalam dialek-dialek BM tersebut adalah terhasil dari sistem enam vokal, dan pemecahan fonemik telah berlaku pada fonem / e / dan / o /, lalu menerbitkan fonem baru, iaitu / ε / dan / ɔ /. Perhatikan rajah berikut:



Rajah 1 Pemecahan Fonemik.

Seterusnya berhubung dengan sistem bunyi ini, terlihat juga kesejajaran pada konsonan sengau dan separuh vokal pada lingkungan akhir kata dengan makna yang sama. Apabila vokal / a / hadir bersama-sama salah satu daripada mana-mana bunyi nasal menjadi sebagai / -aŋ / seperti dalam BM, maka dalam BIb akan menjadi diftong ke depan / -ay /. Perhatikan contoh-contoh kesejajaran yang disertakan seperti berikut:

Bahasa Melayu		Bahasa Iban
/ -aN /	~	/ -ay /

Contoh:

- | | | | | |
|---------------|---|-------------|---|---------------|
| 1. / jalan / | ~ | / jalay / | = | jalan |
| 2. / makan / | ~ | / makay / | = | makan |
| 3. / n aman / | ~ | / n amay / | = | nyaman; sedap |
| 4. / panjaŋ / | ~ | / panjay / | = | panjang |
| 5. / pulaŋ / | ~ | / pulay / | = | pulang |
| 6. / tərbaŋ / | ~ | / tərəbay / | = | terbang |

N = mana-mana konsonan nasal kecuali / n /

Namun begitu, kesejajaran seperti di atas bukanlah suatu gejala yang menyeluruh dalam BIB, kerana tidaklah semua perkataan dari BM yang mempunyai urutan / -aN / akan menjadi / -ay / dalam BIB. Keadaan ini juga terdapat pada urutan / -ar / yang hadir pada lingkungan akhir kata. Namun begitu, kehadirannya tidaklah meluas, terdapat pada perkataan tertentu sahaja seperti contoh-contoh berikut:

Bahasa Melayu		Bahasa Iban
/ -ar /	~	/ -ay /

Contoh:

- | | | | | |
|--------------|---|-----------|---|-------|
| 1. / bəsar / | ~ | / bəsay / | = | besar |
| 2. / tikar / | ~ | / tikay / | = | tikar |

Seperkara lagi yang membezakan BM dari sudut fonologi ialah terdapatnya rangkap vokal ke tengah yang tiada dalam BM, tetapi terdapat dalam BIB. Walau bagaimanapun, rangkap ini hanya hadir sebagai variasi dalam pertuturan sahaja dan tidak fonemik sifatnya.

Rangkap ke tengah ini adalah kelainan dari vokal / i / dan / u / (Asmah Haji Omar, 1981). Ciri-ciri rangkap vokal ini memperlihatkan persamaan dengan bahasa Minangkabau dan dialek Rawa (Asmah Haji Omar, 1989:8) seperti yang dituturkan di negeri Perak. Dalam bahasa Minangkabau terdapat rangkap vokal ke belakang, iaitu / ia / dan / ua /. Manakala dialek Rawa pula mempunyai rangkap vokal ke depan / ie / dan vokal ke belakang

/uo/. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Bahasa Iban

- 1. /biliək / = bilik; keluarga
- 2. /duduək / = duduk
- 3. /kəriəŋ / = kuat

Bahasa Minangkabau

- 1. /biliak / = bilik
- 2. /duduak / = duduk
- 3. /dindiaŋ / = dinding

Dialek Rawa

- 1. /bilieq / = bilik
- 2. /dindieŋ / = dinding
- 3. /duduoʔ / = duduk

Dengan berpandukan contoh-contoh di atas dan mengikut teori yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1989:9–11), mengatakan bahawa orang-orang Iban dalam migrasinya dari Tanah Besar Asia adalah melalui Pulau Sumatera. Mengikut Benedict Sandin seorang tokoh budayawan Iban yang terkenal (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1989:9), mengatakan bahawa penghijrahan orang-orang Iban berlaku setelah agama Islam diperkenalkan di Sumatera. Ini kerana orang-orang Iban mempunyai cara hidup dan kepercayaan tersendiri, berbeza dari kumpulan-kumpulan lain yang berada di sekitarnya.

Tatabahasa

Perkaitan yang seterusnya di antara BM dengan Bib berlaku juga pada struktur tatabahasa atau nahu yang dapat ditinjau melalui sistem morfologi dan sintaksis. Dalam mengklasifikasikan kata, bahasa-bahasa ini membahagikan kepada beberapa golongan utama, iaitu: kata karyaan, kata namaan dan kata tugas (Asmah Haji Omar, 1981:5).

Seterusnya untuk menerbitkan kata-kata kompleks melalui proses pengimbuhan, BM dan BIb juga memperlihatkan unsur morfem terikat yang sama atau hampir sama dari sudut fonologi dan fungsinya dalam tatabahasa (Asmah Haji Omar, 1981:5). Morfem tersebut adalah seperti berikut:

a. Imbuhan Kata Namaan

Bahasa Melayu		Bahasa Iban
1. /pe- /	~	/pe- /
2. /se- /	~	/se- /
3. /ke- /	~	/ke- /

b. Imbuhan Kata Karya

Bahasa Melayu		Bahasa Iban
1. /ber - /	~	/be- /
2. /ter- /	~	/te- /
3. /di- /	~	/di- /
4. /se- /	~	/se- /
5. /-kan /	~	/-kan /

Pada peringkat sintaksis pula, BM dan BIb juga memperlihatkan binaan pola yang sama, iaitu:

1. FN + FN
2. FN + FK

FN = Frasa Namaan

FK = Frasa Karya

Seterusnya ayat boleh terdiri daripada bentuk selapis atau kompleks. Ayat kompleks diterbitkan melalui proses parataksis dan hipotaksis (Asmah Haji Omar, 1983:70). Walau bagaimanapun, ayat yang dibina melalui proses hipotaksis adalah pengaruh dari bahasa Inggeris. Disebabkan BM telah lama terdedah kepada bahasa Inggeris, maka gejala ini telah digunakan dengan meluasnya (Asmah Haji Omar, 1983:70).

Berdasarkan fokus ayat pula, secara amnya bahasa ini lebih banyak menumpukan kepada fokus-predikat daripada fokus-subjek. Ayat fokus-predikat ialah ayat yang menumpukan kepada unsur-unsur predikat. Dalam BIb gejala ini amat ketara dalam cerita-cerita rakyatnya yang berkemungkinan untuk menimbulkan keberkesanan kepada pembaca dan pendengarannya. Perhatikan petikan berikut (lihat Asmah Haji Omar, 1983:71):

“Datai ia ba tanah sigi, peda iya bangkai siko garing-garing ba tengah tanah, semina tinggal bukap. Bejalai iya ari nya datai ba lebak, peda iya bukap siko ga dia nadai agi pala”.

Terjemahan:

“Setibanya di sebidang tanah, dia melihat sekujur tubuh terbaring di atas tanah, hanya tinggal badan sahaja. Dia berjalan dari situ dan setibanya di sebuah lembah, maka dilihatnya satu lagi tubuh yang tidak lagi berkepala”.

Ayat fokus-subjek pula ialah ayat yang menumpukan kepada unsur-unsur subjek. Dalam kebanyakan bahasa, ayat seperti ini mengandungi kata kerja yang menerima unsur-unsur simulfiks dan imbuhan (Asmah Haji Omar, 1983:72). Dalam BM, ayat jenis ini boleh terdiri daripada mana-mana imbuhan, kecuali awalan { me+N- } yang hanya wujud dalam ayat fokus-subjek (Asmah Haji Omar, 1983:72). Perhatikan contoh dari ayat berikut:

1. Dia mengejar kucing itu.
2. Pokok itu berbuah.
3. Bola itu disepakinya.

Dari contoh-contoh di atas, ayat (2) dan (3) boleh diterbalikkan untuk membentuk ayat fokus-predikat dengan menambahkan kata partikel ‘-lah’ kepada kata kerja seperti berikut:

4. Berbuahlah pokok itu.
5. Disepaknyalah bola itu.

Sebaliknya ayat (1) di atas tidak akan menjadi gramatis jika disongsangkan. Perhatikan contoh berikut:

6. Mengejarlah dia kucing itu.

Leksikal

Perbandingan pada peringkat leksikal, menunjukkan terdapatnya ciri-ciri kekognatan di antara kedua-dua BM dengan BIb. Ciri-ciri ini boleh dilihat daripada dua aspek kata, iaitu:

1. Kata yang mempunyai bunyi dan makna yang sama atau hampir sama.
2. Kata yang mempunyai bunyi yang sama, tetapi berlainan makna.

Kedua-dua ciri kekognatan di atas lebih banyak terdapat di dalam BM dengan BIb (sila rujuk senarai kata Swadesh di Lampiran I) berbanding dengan bahasa-bahasa dari rumpun Austronesia yang lain. Perhatikan di

antara beberapa contoh berikut:

a. Bunyi dan makna sama / hampir sama

Bahasa Melayu Bahasa Iban

- | | | | | |
|---------------|---|------------|---|--------------|
| 1. / bəsar / | ~ | / bəsay / | = | besar |
| 2. / panjaŋ / | ~ | / panjay / | = | panjang |
| 3. / dəŋar / | ~ | / diŋa / | = | dengar |
| 4. / hirup / | ~ | / irup / | = | hirup; minum |
| 5. / ekor / | ~ | / ikoʔ / | = | ekor |

b. Bunyi sama, makna berbeza

Bahasa Melayu Bahasa Iban

- | | | | | | |
|---------------|---|---------|-------------|---|---------|
| 1. / tunjuʔ / | = | tunjuk | / tunjuk / | = | jari |
| 2. / jari / | = | jari | / jariʔ / | = | tangan |
| 3. / kampoŋ / | = | kampung | / kampoəŋ / | = | hutan |
| 4. / taseʔ / | = | tasik | / tasiʔ / | = | laut |
| 5. / ibu / | = | ibu | / ibuʔ / | = | mak cik |
| 6. / ayah / | = | ayah | / ayaʔ / | = | pak cik |

Walaupun contoh-contoh di atas memperlihatkan berlakunya penyimpangan makna, namun jika diteliti masih memperlihatkan sesuatu yang sama. Misalnya perkataan / kampoŋ / masih menunjukkan tempat, cuma dalam BM menunjukkan daerah asal usul, manakala BIb pula menunjukkan tempat yang dipenuhi oleh pokok-pokok dan tumbuhan-tumbuhan liar. Ini bererti BM dan BIb masih memperlihatkan perkaitan yang rapat. Hanya disebabkan oleh faktor ruang dan waktu (Ferdinand de Saussure, 1959:198) menjadikan bahasa-bahasa ini berkembang secara bersendirian, tetapi sumbernya masih sama.

Di samping wujudnya kata-kata kognat yang digunakan dalam pertuturan semasa di antara kedua-dua bahasa, dari pemerhatian didapati terdapat juga beberapa kata yang dianggap usang dan merupakan peninggalan daripada bahasa lama. Dalam BIb kata-kata ini masih digunakan, tetapi BM tidak lagi atau jarang menggunakannya. Kata-kata tersebut adalah seperti berikut:

Bahasa Iban

1. / təgal / = tegal; sebab
2. / mantoən / = kerja merumput

3. / ampoh / = ampuh; tenggelam

Kesemua kata di atas ternyata agak jarang penggunaannya dalam BM, kecuali BIb. Dalam BM perkataan / tegal / terdapat di dalam salah satu dari perumpamaan, iaitu “alah bisa tegal biasa” yang bererti jika sesuatu itu selalu dilakukan maka ini akan menjadi suatu kebiasaan pula. Manakala perkataan / mantoən / pula, akarnya adalah dari / bantoən /. Perkataan ini juga ada digunakan di dalam teks *Sejarah Melayu* dengan sedikit penyimpangan makna. Perhatikan petikan berikut:

“Maka segala kayu yang besar-besar dua tiga pemeluk itu habis dibantunnya dengan umbi dan akarnya, dihempaskannya ke bumi remuk-redam, setelah dibantunnya patah-patah. Setelah itu Badang pun pulang tidur”.

(A. Samad Ahmad, 1979:46)

Di dalam BIb, perkataan / bantoən / bererti perbuatan membuang rumput rampai di huma atau ladang. Manakala dalam BM pula, petikan di atas menunjukkan perbuatan mencabut sesuatu yang lebih besar, iaitu pokok.

KAEDAH LEKSIKOSTATISTIK DAN GLOTOKRONOLOGI

Di samping menggunakan kaedah perbandingan untuk melihat perkaitan di antara bahasa yang berkaitan, kaedah Leksikostatistik dan Glotokronologi boleh digunakan untuk tujuan yang sama. Kaedah Leksikostatistik digunakan untuk menentukan jarak perkaitan bahasa-bahasa serumpun yang dibandingkan dan seterusnya menentukan tarafnya sama ada sebagai bahasa atau dialek berdasarkan jumlah peratusan kata-kata kognat yang diperolehi. Sekiranya peratusan kata-kata kognat kurang daripada 85 peratus, maka tarafnya ialah bahasa yang berbeza. Sebaliknya jika peratusannya lebih daripada 85 peratus, maka tarafnya adalah sebagai dialek dari suatu bahasa yang sama.

Dengan menerapkan 100 perkataan daripada senarai kata Swadesh (Winfred P. Lehmann, 1962:112–113), dapat dilihat peratusan kekognatan di antara BM dengan BIb. Dari senarai tersebut (sila lihat Lampiran I), didapati bahawa peratusan kekognatan di antara BM dengan BIb adalah 69 peratus. Berdasarkan jumlah peratusan ini membuktikan bahawa BM dan BIb mempunyai hubungan yang sangat rapat berbanding dengan bahasa lain yang serumpun seperti bahasa Jawa, Tagalog, Aceh, dan Sunda yang hanya mencapai antara 35 peratus dan 40 peratus sahaja (Asmah Haji Omar

dan Rohani Mohd. Yusof, 1987:9).

Seterusnya kaedah Glotokronologi pula digunakan untuk melihat lama-waktu atau usia perpisahan bahasa yang dibandingkan. Dengan menggunakan formula tertentu (sila lihat Lampiran II), didapati bahawa usia di antara BM dengan BIb adalah lebih kurang 1000 tahun sahaja, atau kira-kira 954 tahun. Ini bererti dalam tempoh yang awal, BM dan BIb adalah sebagai dialek yang kemudiannya berkembang menjadi dua bahasa yang berbeza.

KESIMPULAN

Dari kaedah perbandingan yang digunakan jelas memperlihatkan bahawa BM dan BIb mempunyai perkaitan yang rapat. Melalui kaedah perbandingan, persamaan dan perbezaan telah dapat dilihat daripada beberapa aspek struktural, iaitu sistem fonologi, tatabahasa dan leksikal. Pada peringkat fonologi yang ditinjau pada sistem konsonan dan vokal, secara keseluruhannya BM dengan BIb memperlihatkan persamaan bukan sahaja pada jumlahnya, tetapi terlihat juga pada sistemnya. Pada amnya kedua-dua bahasa berkenaan mempunyai sebanyak 19 konsonan dengan sistem enam-vokal (sila lihat hlm. 2 dan hlm. 3).

Seterusnya perbandingan pada sistem tatabahasa atau nahu juga memperlihatkan banyak persamaan. Pada peringkat morfologi, BM dan BIb mempunyai imbuhan kata namaan dan kata karyaan. Keseluruhan bentuk imbuhan adalah sama dengan sedikit perbezaan sahaja, iaitu BIb memperlihatkan adanya pengguguran fonem daripada imbuhan tertentu. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Bahasa Melayu	Bahasa Iban
1. / ber- /	/ be ϕ - /
2. / ter- /	/ te ϕ /
3. / -kan /	/ -ka ϕ /

ϕ = unsur yang digugurkan

Pada amnya bentuk-bentuk imbuhan di atas adalah dari golongan kata karyaan. Manakala imbuhan kata namaan adalah sama di antara satu sama lain. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari imbuhan kata karyaan, namun masih berkognat dan mempunyai fungsi yang sama.

Dilihat pada peringkat leksikal pula, terdapat banyak persamaan pada unsur-unsurnya. Di samping terdapatnya persamaan dari segi bentuk dan makna, terdapat juga perkataan yang memperlihatkan penyimpangan dari segi makna. Namun demikian, perkataan ini masih tetap berkognatan di

antara satu sama lain (sila rujuk hlm. 10–11). Hal yang sama juga terlihat pada struktur sintaksis, kedua-dua BM dan BIb mempunyai pola binaan yang sama, iaitu (FN + FN) dan (FN + FK). Dalam membentuk ayat kompleks, secara amnya kedua-dua bahasa menggunakan unsur-unsur parataksis. Namun demikian, disebabkan BM lebih banyak terdedah kepada pengaruh luar terutamanya bahasa Inggeris, maka BM juga memperlihatkan adanya unsur-unsur hipotaktik. Begitu juga dari segi fokus ayat, kedua-duanya mempunyai ayat-ayat yang terdiri dari fokus-subjek dan fokus-predikat. Ayat fokus-subjek mementingkan unsur-unsur subjek, manakala ayat fokus-predikat mementingkan unsur-unsur predikat dalam binaannya. Dari contoh-contoh yang telah disertakan, didapati bahawa ayat fokus-predikat banyak digunakan dalam bentuk naratif atau penceritaan (sila rujuk hlm. 8).

Perkaitan yang seterusnya di antara BM dengan BIb dapat dilihat dengan menggunakan Kaedah Leksikostatistik dan Glotokronologi (sila rujuk hlm. 12–13). Dari Kaedah Leksikostatistik yang bertujuan untuk melihat peratusan kekognatan, didapati bahawa peratusan antara BM dengan BIb ia 69 peratus. Dengan perbezaan peratusan yang hanya 31 peratus, ini bererti bahawa BM dan BIb adalah amat rapat hubungannya berbanding bahasa-bahasa Austronesia yang lain (Asmah Haji Omar dan Rohani Mohd. Yusof, 1987:11). Melalui Kaedah Glotokronologi pula didapati bahawa jarak waktu dan perkembangan yang dilalui oleh keduanya adalah kira-kira 954 tahun sahaja. Hanya disebabkan oleh gejala alam yang menyukarkan perhubungan antara keduanya pada peringkat awal, menjadikan BM dengan BIb berkembang secara bersendirian dan akhirnya menjadi bahasa yang berbeza. Namun demikian, kedua-duanya mempunyai bahasa induk yang sama, iaitu bahasa Melayu-Iban.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1966. *Perbandingan Tatabunyi antara Dialek Kedah dan Dialek Perak*, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.), Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan, 1974. "Pertembungan Bahasa dan Kesannya terhadap Bahasa Melayu" *Dewan Bahasa*, Jilid 18, Bil. 5, Mei 1974.
- A. Samad Ahmad; 1979. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*, Penerbitan Ilmiah No. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1978(a). "Kedah: Aspek Kebudayaan Seperti yang Terdapat

- dalam Sejarah dan Bahasa”, *Dewan Bahasa*, Jilid 22, Bil. 3, Mac 1978.
- Asmah Haji Omar, 1973. “Linguistik Deskriptif dan Tradisi Lisan”, *Dewan Bahasa*, Jilid xvii, Bil. 8, Ogos 1973.
- Asmah Haji Omar, 1980. “Kata Majmuk”, *Dewan Bahasa*, Jilid 24, Bil. 5, Mei 1980.
- Asmah Haji Omar, 1981. *The Iban Language Of Sarawak: A Grammatical Description*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1983. *The Malay People of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar dan Rohani Mohd. Yusof, 1987. “Bahasa Iban dan Pengajarannya di Peringkat Pengajian Tinggi”, Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Bahasa Moden, bertajuk *Situasi Bahasa di Malaysia* anjuran Persatuan Bahasa Moden di Asian Pacific Development Centre (APDC), Jalan Duta, Kuala Lumpur, pada 27–29 Oktober 1987.
- Asmah Haji Omar, 1989. “Perkaitan Bahasa Melayu dengan Bahasa Iban dari Segi Sejarah”, Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu: *Persoalan Warisan dan Kini*, di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 21–23 Ogos 1989.
- Asmah Haji Omar, 1991(a). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1991(b). *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu ‘Aqaid’ Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1991(c). *Aspek Bahasa dan Kajiannya: Kumpulan Siri Ceramah Peristilahan* (cetakan kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1992. “An Overview of Linguistics Research in Sarawak”, A Paper Presented at Borneo Research Council Second Biennial International Conference, held in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, 13–17 July 1992.
- Asmah Haji Omar, 1993(a). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1993(b). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1995(a). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk* (Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1995(b). *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk* (Siri Monograf Bahasa Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Charles F. Hockett, 1958. *A Course In Modern Linguistics*. Oxford And IBH Pub-

- lishing Company.
- Ferdinand de Saussure, 1959. *Course in General Linguistics*. McGraw-Hill-Book Company.
- Gorys Keraf, 1984. *Linguistik Bandingan Historis*. P.T. Gramedia, Jakarta.
- Harun bin Mat Piah, 1969. "Sistem Bunyi Dialek Rawa yang Dituturkan dalam Daerah Gopeng, Perak". Latihan Ilmiah untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.), Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Harun bin Mat Piah, 1983. "Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas", Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan, Anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak, Di Tapian Gelanggang Negeri, Ipoh, Perak Pada 20 – 23 Oktober 1983.
- Mario Pei dan Frank Gaynor, 1954. *A Dictionary Of Linguistics*. New York.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara, 1983. *Dialek Melayu Pattani dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi, Morfologi dan Sintaksis*, Disertasi Bagi Memenuhi Ijazah Sarjana (M. A.), Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Rohani Mohd Yusof, 1999. "Perbandingan Morfologi Bahasa Melayu dan Bahasa Iban". Tesis bagi Memenuhi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.), Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Sturtevant, E.H., 1973. *Linguistic Change: An Introduction to The Historical Study of Language*. Phoenix Books, The University of Chicago (Fifth Impression).
- The Principles of The International Phonetic Association*, International Phonetic Association, University College, Glower Street, London, Reprinted 1978.
- Theodora Bynon, 1977. *Historical Linguistics*, Cambridge University Press, London.
- W. E. Jones dan J. Laver, 1973. *Phonetics In Linguistics: A Book of Reading*. Longman.
- Willian Bright (ed.), 1962. *Historical Linguistics: An Introduction*, Oxford and Publishing Company.
- Winfred P. Lehmann, 1973. *Historical Linguistics: An Introduction* (Third Indian Reprint), Oxford and IBH Publishing Co. Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Winfred P. Lehmann, 1993. *Historical Linguistics* (Third Edition), Routledge London and New York.
- Yunus Marris, 1980. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

LAMPIRAN I

Padanan kata-kata Bahasa Melayu dan Bahasa Iban berdasarkan 100 perkataan dari Senarai Kata Swadesh

	Bahasa Melayu	Bahasa Iban	Taraf Kekognatan
1.	abu	abus	+
2.	air	akar	+
3.	akar	akar	+
4.	aku	aku	+
5.	anjing	ukoi	-
6.	apa	nama	-
7.	api	api	+
8.	asap	asap	+
9.	awan	remang; moa hari	-
10.	baik	manah; badas	-
11.	bakar	tunu	-
12.	banyak	maioh	-
13.	baring	gali	-
14.	baru	baru	+
15.	batu	batu	+
16.	berdiri	bediri	+
17.	berenang	nyemerai	-
18.	beri	beri	+
19.	berjalan	bejalai	+
20.	besar	besai	+
21.	biji	igi	+
22.	bintang	bintang	+
23.	bulan	bulan	+
24.	bulat	bulat	+
25.	bulu	bulu	+

LAMPIRAN

	Bahasa Melayu	Bahasa Iban	Taraf Kekognatan
26.	bunuh	bunuh	+
27.	burung	burung	+
28.	dada	dada	+
29.	daging	dagin	+
30.	darah	darah	+
31.	datang	datai	+
32.	daun	daun	+
33.	dengar	dinga	+
34.	Dua	dua	+
35.	duduk	dudok	+
36.	ekor	iko	+
37.	gemuk	gemu	+
38.	gigi	ngeli	-
39.	gigit	gigit	+
40.	gunung	bukit	-
41.	hangat	angat	+
42.	hati	ati	+
43.	hidung	idong	+
44.	hijau	gadong	-
45.	hitam	celum	-
46.	hujan	ujan	+
47.	ikan	ikan	+
48.	ini	tu	-
49.	itu	nya	-
50.	jalan	jalai	+
51.	jantung	jantong	+
52.	kaki	kaki	+
53.	kami; kita	kitay	+

	Bahasa Melayu	Bahasa Iban	Taraf Kekognatan
54.	kamu; engkau	nuan	-
55.	kecil	mit	-
56.	kepala	pala	+
57.	kering	rangkai	-
58.	kuku	kukut	+
59.	kulit	kulit	+
60.	kulit kayu	kulit pun	-
61.	kuning	kuning	+
62.	kutu	kutu	+
63.	leher	rekong	-
64.	lelaki	lelaki	+
65.	lidah	dilah	+
66.	lihat; nampak	peda	-
67.	lutut	tut	+
68.	makan	makai	+
69.	malam	malam	+
70.	mata	mata	+
71.	matahari	matapanas	-
72.	mati	parai	-
73.	merah	cirak	-
74.	minum	irup	-
75.	mulut	mulut	+
76.	orang	urang	+
77.	panjang	panjai	+
78.	pasir	pasir	+
79.	perempuan; betina	induk	-
80.	perut	perut	+
81.	pohon	pun	+

LAMPIRAN

	Bahasa Melayu	Bahasa Iban	Taraf Kekognatan
82.	putih	belang	-
83.	rambut	bok	+
84.	satu	siti	+
85.	sebut	sebot	+
86.	sejuk	celap	-
87.	semua	semoa	+
88.	siapa	sapa	+
89.	sungai	sungai	+
90.	tahu	temu	-
91.	tanah	tanah	+
92.	tanduk	tandok	+
93.	tangan	jari	-
94.	tarik	batak	-
95.	telinga	pending	-
96.	telur	telu	+
97.	terbang	tereбай	+
98.	tidak	enda	+
99.	tidur	tindok	+
100.	tulang	tulang	+

Jumlah Kata = 100

Pasangan Kognat = 69

Pasangan Bukan Kognat 31

LAMPIRAN II

Leksikostatistik

Formula untuk mendapatkan peratusan kata kognat dan bukan kognat BM dengan BIb berdasarkan padanan kata dari Senarai Kata Swadesh.

$$\begin{array}{rcl} \text{Jumlah kata} & = & 100 \\ \text{Pasangan kognat} & = & \underline{69} \\ \text{Pasangan bukan kognat} & & 31 \end{array}$$

Berdasarkan perangkaan di atas peratusan kata kognat BM dan BIb ialah 69 peratus dan bukan kognat sebanyak 31 peratus.

Glotokronologi

Formula untuk mendapat lama-waktu atau usia bahasa adalah:

$$t = \frac{\log c}{2 \log r}$$

t = lama-waktu (time-depth)

c = kata kognat (cognates)

log = logaritma (logarithma)

r = kadar bertahannya kata (rate of retention) dalam tempoh 1000 tahun

Oleh itu berdasarkan perkiraan di atas, maka formula lama-waktu di antara BM dengan BIb adalah seperti berikut:

$$t = \frac{\log 69}{2 \log r}$$